

## **Kembara Puisi Siswa UMS, Poring destinasi pilihan**

Utusan Borneo (Sabah) 20 Nov 2016



### **PARA pelajar yang terlibat dalam program Kembara Puisi UMS bergambar kenangan di Poring.**

KAWASAN Air Panas Poring menjadi destinasi pilihan pelajar puisi Universiti Malaysia Sabah mencari ilham dalam menyiapkan tugas penulisan puisi mereka.

Pada 14 November lalu, seramai 46 orang pelajar Seni Kreatif major penulisan diiringi oleh pensyarah menjalankan program kedua di luar pagar kampus induk universiti. Kawasan Air Panas Poring menjadi destinasi pilihan kedua mereka selepas berjaya menjalankan aktiviti pertama bertempat di persisiran Pantai Rang Bulan pada awal Oktober lalu.

Pembelajaran ini diadakan bertujuan untuk menjentik idea-idea terpendam di lubuk minda mahasiswa dalam memanfaatkan sumber alam semula jadi sebagai penjana idea dalam penghasilan puisi. Bagi Boi Hj Pondereng, alamlah yang telah menelurkan rasa bitin untuk menuliskan kata-kata luahan hati dalam bentuk puisi yang jujur, benar lagi tawaduk.

Hal demikian diakui oleh Nazri Jamiri yang menyatakan keterujaan dengan suasana alam yang tenang dan damai sungguh mengasyikkan dalam menuliskan puisi-puisi ketuhanan yang menjadi minat beliau selama ini.

Pelajar dibahagikan kepada lima kumpulan kecil bertujuan fokus menyelesaikan semua aktiviti. Setiap individu diberi tugas untuk digabungkan secara kolektif mengumpul dan memahami simbol-simbol dengan pendekatan semiotik berkaitan alam yang diguna pakai oleh sasterawan dalam menghasilkan puisi-puisi indah sekaligus pelajar dapat menggunakan flora dan fauna sebagai sumber ilham untuk menghasilkan puisi.

Menurut Yasmi Hj Keten, kaedah pembelajaran di luar dewan kuliah ternyata bersesuaian di kawasan Air Panas Poring kerana banyak perlambangan alam yang boleh digunakan untuk menjana idea dalam penghasilan puisi, kerana selama ini terperjara dengan suasana kampus yang kaku, dipenuhi hujan batu.

Majoriti para pelajar percaya bahawa puisi dapat membentuk jati diri yang baik dan membawa perubahan kepada diri sendiri bagi melestarikan kedamaian semua makhluk yang diciptakan di dunia ini, bukan sahaja manusia dengan manusia tetapi hubungan manusia dengan alam semesta. Dengan keyakinan puisi berkait dengan alam dapat membina kedamaian buat negara Malaysia yang tercinta.

Wawa Candy sebagai ketua aktiviti menjelaskan, objektif utama program ini bertujuan memupuk semangat kekitaan, kasih sayang menerusi tindakan kerjasama berkumpulan dalam menjalankan tugas yang diberi bagi memastikan kelancaran pogram.

“Tambahan pula, pelajar dapat menikmati dan mencari inspirasi daripada suasana alam semulajadi sebagai satu medan menjentik idea dalam penghasilan puisi,” katanya.

Perjalanan yang mengambil masa selama 3 jam, rombongan bertolak seawal jam 8.00 pagi dan tiba di destinasi pada pukul 11.00 pagi, tidak merasa bosan kerana dipenuhi dengan lagulagu puisi nyanyian Sabir, Eva, faizam, Alwaniy, Atiq Afiq dan Aisyah.

Pelbagai aktiviti menarik dilakukan termasuklah aktiviti kuak lentang di kolam air yang disediakan di kawasan air panas Poring tersebut seterusnya menambahkan kemeriahan aktiviti yang dijalankan. Semua pelajar memberikan maklum balas positif sepanjang aktiviti dijalankan.

Menurut Pengarah Pogram Nazrin, melalui kaedah pembelajaran sebegini, tidaklah mahasiswa terus di perlakukan seperti kanak kanak sekolah yang terus menerus duduk di bangku meja belajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Menurutnya lagi melalui kaedah pembelajaran seperti ini dapatlah pelajar menenangkan fikiran sejenak dalam melakukan kerja harian serta dapat menikmati kebesaran ciptaan Allah S.W.T.

Bagi Kasdeq yang juga wakil daripada Kelab Sastera Mahasiswa(KARMA) beliau mengharapkan bahawa lebih banyak program diadakan berkaitan puisi, kerana beliau merasa melalui pogram sebegini dapatlah pelajar merakyatkan alam puisi dalam rutin kehidupan.

Abemat Safwan, yang berasal dari negeri Kelantan, menyatakan keterujaan yang teramat sangat kerana melalui pogram ini dapatlah beliau melancong secara percuma dan menikmati negeri Sabah yang cantik dan kaya dengan sumber alam. Di samping itu juga beliau menyatakan bahawa melalui pogram ini beliau mampu menghasilkan puisi yang terbaik sekaligus dapat menyiapkan tugas yang pensyarah berikan.

Begitu juga dengan Nasrullah Anuar telah menyimpulkan kejayaan mengadakan pogram sebegini sebagai salah satu kaedah keluar dari kekangan pembelajaran sekolah rendah yang hanya duduk di dalam kelas sambil dipaksa mendengar khutbah membosankan para guru penulisan .

Fatin Yasmi yang berasal dari Tawau Sabah, salah seorang peserta pogram memaklumkan bahawa setiap keindahan alam ada perlambangan dan makna yang diselitkan untuk renungan manusia. Makna tersurat dan tersirat dalam keindahan alam ini menimbulkan keinsafan dan

pedoman untuk manusia merubah dirinya cinta akan kedamaian sekaligus mampu diterjemahkan dalam bentuk puisi.

Dengan panorama yang indah kita mengharapkan agar semua pelajar dapat ilham di sebalik keindahan alam, serta mampu untuk meluahkan perasaan dalam puisi-puisi yang di tugaskannya kepada para pelajar penulisan Universiti Malaysia Sabah, menurut pengalaman Zati Bondeng siswa yang berasal dari Tawau Sabah.

Tambah Yusrizal Celedak lagi, program ini sebagai satu platform bagi pelajar menghasilkan puisi yang berkualiti dan mampu menyampaikan penulisan secara jujur bukan sebalik nya.

Bagi Amir, pelajar yang berasal dari negeri kelantan puisi adalah sesuatu pemikiran yang indah diterjemahkan dalam kata kata yang indah dan beliau berjaya merakam puisi bernada romantis berjudul pucuk putat cicoh budu sebagai manifestasi memori indah di kedamaian alam Poring.

Oleh sebab itu keindahan kawasan air panas Poring Menjadi medium yang terbaik dalam mencari ilham bagi penghasilan puisi seterusnya menjana bait bait kata terindah.

Antara aktiviti lain yang diadakan seperti mendaki bukit, ekspidisi serta pembacaan puisi mahasiswa. -Artikel Sumbangan **MOHD HAFIZ LATIF BALUNG**